

Analisis kesilapan Kata Tugas dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

[Analysis of Task Word Errors in Malay Essays of Year Six Students]

SITI RAHAYU MUHAMMAD^{1*}
SHARIL NIZAM SHA'RI¹

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kesilapan golongan kata tugas dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam. Kajian berbentuk analisis dokumen ini mengaplikasikan Teori Kesilapan Corder (1973). Sebanyak 50 sampel karangan deskriptif yang ditulis oleh murid tahun enam yang berprestasi sederhana digunakan sebagai alat kajian ini. Dapatan analisis kesilapan dipersembahkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Analisis kesilapan menunjukkan bahawa murid tahun enam tersebut melakukan 78 kesilapan golongan kata tugas. Responden melakukan kesilapan menggugurkan kata hubung dalam binaan ayat, kesilapan menggunakan kata hubung pancangan keterangan pada pangkal ayat, kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak diperlukan dalam binaan ayat, kesilapan menggunakan kata bantu aspek yang tidak perlu, kesilapan menyisipkan kata bantu antara kata kerja transitif dengan objek, kesilapan tidak meletakkan kata sendi nama selepas kata kerja tak transitif, kesilapan menggunakan kata sendi 'di', kesilapan meletakkan kata sendi nama di antara kata kerja transitif dengan objek, kesilapan meletakkan kata nafi bukan di hadapan frasa kerja, dan kesilapan meletakkan kata pemerli 'adalah' sebelum kata nama. Kesilapan kata tugas dalam karangan akan mengakibatkan maksud ayat dibina tidak dapat difahami oleh pembaca atau memberikan maksud yang tidak tepat.

Kata Kunci: kesilapan, kata tugas, tahun enam

Abstract

This study was conducted to identify the errors of task words in Malay language essays of sixth year students. This document analysis study applies Corder Error Theory (1973). A total of 50 samples of descriptive essays written by moderate -achieving sixth -year students were used as the tools of this study. The findings of the error analysis are presented in the form of frequency and percentage. Error analysis showed that the sixth year student made 78 task word group errors. Respondents made the mistake of dropping conjunctions in sentence construction, mistakes in using adverbial prepositions at the base of sentences, mistakes in using unnecessary conjunctions in sentence construction, mistakes in using unnecessary aspect auxiliaries, mistakes in inserting auxiliary words between transitive verbs and objects , the error of not placing the noun conjunction after the intransitive verb, the error of using the conjunction 'in',

¹ Universiti Putra Malaysia

Corresponding Author:
SITI RAHAYU MUHAMMAD, Universiti Putra Malaysia
Email: cikguayu75@gmail.com

the error of placing the noun conjunction between the transitive verb and the object, the error of placing the negative word not in front of the working phrase, and the error of placing the pronoun 'is' before the noun. Assignment errors in the essay will result in the meaning of the constructed sentence not being understood by the reader or giving an inaccurate meaning.

Keywords: effectiveness, Arabic language students, Linguistics course (BAL4083) course, online learning, pandemic

Cite This Article:

Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Sha'ri. 2022. Analisis Kesilapan Kata Tugas dalam Bahasa Melayu Murid Tahun Enam. *Asian Journal of Civilization Studies*. (AJOCS), 4(2): 13-29

PENGENALAN

Kata tugas ialah golongan perkataan selain kata nama am, kata kerja dan kata sifat yang mendukung sesuatu tugas dalam binaan ayat, klausa mahupun frasa. Kehadiran kata tugas dalam ayat mendukung tugas sintaksis sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendapan, pembantu, penegas, penafi, pembenar, pemerhati atau tugas-tugas lain. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kesilapan golongan kata tugas yang dilakukan oleh murid tahun enam ketika menulis karangan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini berkaitan penganalisan kesilapan penggunaan golongan kata tugas dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam. Lima buah sekolah dalam daerah Batu Pahat, Johor terlibat dalam kajian ini. Murid yang terlibat sebagai responden kajian ini merupakan murid tahun enam yang mempunyai pencapaian sederhana dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi prestasi tiga tahun berturut-turut iaitu tahun 2015, 2016 dan 2017.

Sekolah kajian ini dikesan tidak mencapai keputusan 100 peratus lulus bagi mata pelajaran bahasa Melayu kertas penulisan dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Data keputusan UPSR bagi ketiga-tiga tahun berkenaan menunjukkan masih terdapat murid yang tidak berjaya mencapai tahap penguasaan minimum, iaitu gred D dan E. Pada tahun 2015 187 (3.80%) murid mendapat peratus markah D, manakala 78 (1.60%) murid mendapat peratus markah E. Tahun 2016 menunjukkan 477 (9.70%) murid mendapat peratus markah D, manakala 84 (1.70%) murid mendapat peratus markah E. Tahun 2017 menunjukkan 376 (8.20%) murid mendapat peratus markah D, manakala 91 (2.00%) mendapat peratus markah E. Bilangan keseluruhan murid yang mendapat peratus markah gred D dan E iaitu 265 (5.30%) pada tahun 2015, 560 (11.40%) pada tahun 2016, dan 467 (10.20%) pada tahun 2017. Senario yang berlaku ini akhirnya telah menarik perhatian penyelidik untuk melaksanakan kajian di daerah ini dengan menggunakan sampel karangan yang dihasilkan oleh murid di lima buah sekolah tersebut.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini ingin mencapai objektif untuk menganalisis kesilapan golongan kata tugas dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam.

Kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan seperti yang berikut:

Bagaimanakah kesilapan golongan kata tugas dalam karangan bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid tahun enam?

SOROTAN LITERATUR

Mohamad Abdul Rahman (2000) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Tingkatan Lima. Beliau telah mengenal pasti kesilapan penggunaan kata pemer, kata sendi 'di', dan kata jamak. Kajian ini dilakukan berdasarkan hasil penulisan karangan murid tingkatan lima di sebuah sekolah menengah di negeri Kedah. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan kesilapan. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa sejumlah 279 kesilapan tatabahasa yang berkaitan dengan penggunaan kata (kata pemer, kata sendi 'di', dan kata jamak) telah dilakukan oleh murid kumpulan kajian. Kesilapan penggunaan kata sendi 'di' merupakan kesilapan yang paling serius, diikuti kesilapan penggunaan kata jamak, dan kata pemer. Penyelidik juga membuat kajian dalam aspek yang sama, iaitu analisis kesilapan tatabahasa dalam penulisan karangan murid. Walaupun penyelidik mengkaji aspek yang sama, perbezaan sampel kajian akan memberikan dapatan yang berbeza. Sampel kajian ini merupakan murid Melayu yang belajar dalam tahun enam.

Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah Rosly (2003) mengkaji kesalahan penggunaan kata pemer dalam kajiannya mendapati terdapat penggunaan ialah yang menyalahi struktur ayat bahasa Melayu kerana kata adjektif disusuli oleh kata pemer ialah atau adalah. Terdapat juga kesalahan kata pemer adalah yang hadir di hadapan kata nama. Penggunaan kata pemer sebegini menyalahi hukum penggunaan kata pemer yang betul. Oleh itu, penguasaan penggunaan bahasa Melayu yang tepat perlu dimantapkan seperti yang digariskan dalam buku Tatabahasa Dewan.

Kajian Abdullah Yusof (2009) yang dilakukan dalam kalangan guru pelatih mendapati terdapat kekeliruan penggunaan kata pemer dalam akhbar yang dipilih sebagai data korpus dan dibandingkan dengan Tatabahasa Dewan. Melalui sesi perbualan dan soal jawab dengan beberapa orang guru pelatih, mendapati mereka masih keliru dan tidak faham dalam penggunaan kata pemer. Kajian beliau mendapati bahawa kata pemer ialah bukan sahaja hadir di hadapan frasa nama, malah turut hadir di hadapan frasa kerja dan kata tanya. Dapatan ini bertentangan dengan penggunaan mengikut Tatabahasa Dewan.

Faudziah Rasad & Zamri Mahamod (2013) dalam kajian yang bertajuk Analisis Kesalahan Morfologi dan Sintaksis dalam Penulisan Tesis Cemerlang menyatakan bahawa masih banyak kesilapan bahasa ditemukan dalam tesis cemerlang tersebut. Kesilapan morfologi yang banyak ditemukan dalam kajian yang berbentuk kajian kes ini ialah kesilapan kata sendi, kesilapan kata pemer, kesilapan penggunaan imbuhan, kesilapan penggunaan kata penguat, dan kesilapan kata ganda. Kesilapan sintaksis pula banyak ditemukan seperti kesilapan struktur

ayat, ayat tergantung, dan ayat yang terlalu panjang. Beliau juga mendapati terdapat kesilapan mekanis yang dilakukan dalam penulisan tesis cemerlang tersebut. Contoh kesilapan adalah seperti kesilapan ejaan, kesilapan penggunaan huruf besar dan kecil, kesilapan tanda sempang, dan kesilapan tanda koma. Kajian yang dilakukan berbentuk deskriptif dan melibatkan lima tesis cemerlang Doktor Falsafah di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik Statistical Package for Social Science (SPSS) bagi mencari kekerapan dan peratusan. Kajian ini menggunakan tesis cemerlang sebagai alat kajian, berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik menggunakan skrip karangan yang dihasilkan oleh murid tahun enam. Alat kajian yang berbeza menunjukkan kumpulan sasaran yang berlainan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Kajian oleh Zaliza Mohamad Nazir (2017) menumpukan kesilapan morfologi, iaitu kesilapan kata hubung, kata sendi nama dan kata ganti nama yang dilakukan pelajar Indonesia yang mengambil kursus bahasa Melayu penulisan ilmiah di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pengkaji kajian ini memfokuskan kesilapan dalam penulisan karangan pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesilapan bahasa dalam aspek morfologi. Selain itu, objektif kajian ini juga adalah untuk menghuraikan faktor kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Kaedah kajian yang digunakan ialah analisis kandungan dan pengumpulan data menerusi kerja penulisan latihan yang telah dihasilkan oleh pelajar Indonesia. Pengkaji memilih pelajar yang mengikuti pengajian di UiTM sekurang-kurangnya setahun kerana telah mempunyai gambaran dalam penggunaan bahasa Melayu. Tenaga pengajar memberikan latihan penulisan kepada pelajar dan mereka diberi tempoh bagi menyiapkan penulisan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kesilapan morfologi menerusi hasil penulisan pelajar, iaitu kesilapan kata hubung, kata sendi nama serta kata ganti nama diri. Jelas dalam kajian ini, faktor yang menyebabkan seseorang itu melakukan kesilapan bahasa ialah kekurangan pengetahuan mengenai bahasa Melayu. Pengkaji mencadangkan agar lebih banyak latihan yang perlu dilakukan oleh pelajar dan pengajar juga perlu kreatif bagi menangani masalah ini.

Berdasarkan sorotan kajian tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa analisis kesilapan memberikan gambaran yang tepat tentang kesilapan kata khususnya kesilapan kata tugas. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji lalu memberikan inspirasi kepada penyelidik untuk melaksanakan kajian ini dengan memberikan fokus terhadap kesilapan kata tugas dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah analisis dokumen digunakan untuk menganalisis kesilapan golongan kata tugas yang terdapat dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam. Penyelidik mengaplikasikan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973) untuk menjelaskan kesilapan golongan kata tugas yang terdapat dalam sampel karangan yang ditulis oleh murid tahun enam. Proses analisis dokumen ini melibatkan 50 sampel karangan bahasa Melayu yang diambil secara rawak di lima buah sekolah yang terlibat dengan kajian ini. Penyelidik menganalisis 10 sampel karangan daripada setiap sekolah, yang membawa jumlah keseluruhan sampel karangan yang digunakan sebanyak 50 karangan. Proses analisis dimulakan dengan menyemak karangan yang dihasilkan oleh murid tahun enam tersebut dengan melihat aspek kesilapan golongan kata tugas. Seterusnya,

penyelidik mengkategorikan kesilapan golongan kata tugas merujuk kepada Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2013). Penyelidik menganalisis dan menghuraikan konsep golongan kata tugas bahasa Melayu berdasarkan hukum tatabahasa yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2013) seterusnya mengkategorikan kesilapan yang dilakukan oleh responden dalam karangan bahasa Melayu tersebut.

Penyelidik seterusnya memberikan kod dan mengkategorikan jenis kesilapan yang dilakukan oleh responden dalam karangan tersebut berpandukan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2013). Penyelidik juga melihat kesilapan yang dilakukan oleh responden berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973), berdasarkan empat kategori kesilapan bahasa iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah, seterusnya penyelidik melakukan proses mengidentifikasikan kesilapan dengan mengenal pasti bentuk kesilapan dan mencadangkan jawapan yang betul untuk menangani kesilapan golongan kata tugas tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Golongan kata tugas ialah golongan kata yang bersifat pelbagai jenis atau heterogen, iaitu yang terkandung dalamnya golongan kecil yang berbeza-beza tetapi mempunyai satu sifat yang sama. Sifat kata tugas tidak boleh menjadi unsur inti bagi frasa-frasa endosentrik, iaitu frasa nama, frasa kerja, dan frasa adjektif. Kata tugas hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu, sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendapan, pembantu, penegas, penafi, pembenar, pemer, atau tugas-tugas lain. Berdasarkan dapatan kajian, responden melakukan 14 jenis kesilapan kata tugas. Berdasarkan Teori Analisis Corder (1973) responden melakukan kesilapan menggugurkan unsur yang perlu iaitu kesilapan menggugurkan kata hubung dalam binaan ayat, dan kesilapan menggugurkan kata sendi nama selepas kata kerja tak transitif.

Responden melakukan kesilapan menambah unsur yang tidak perlu (Corder, 1973) dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan pada pangkal ayat, kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak diperlukan dalam binaan ayat, kesilapan menggunakan kata bantu aspek yang tidak perlu, kesilapan menyisipkan kata penegas antara kata kerja transitif dengan objek, kesilapan meletakkan kata sendi nama di antara kata kerja transitif dengan objek, kesilapan meletakkan kata nafi 'bukan' di hadapan frasa kerja, dan kesilapan meletakkan kata pemer 'adalah' sebelum kata nama. Responden melakukan pemilihan unsur yang tidak tepat (Corder, 1973) iaitu kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak tepat, kesilapan menggunakan kata sendi nama yang tidak tepat, kesilapan menggunakan kata sendi 'di' yang tidak tepat, dan kesilapan menggunakan kata bilangan tak tentu yang tidak tepat. Di samping itu, responden juga melakukan penyusunan unsur yang salah (Corder, 1973) dengan melakukan kesilapan menggunakan kata tanya sebagai objek kata kerja transitif. Zaliza Mohamad Nazir (2017) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa masih banyak kesilapan kata hubung dan kata sendi nama 'di' yang dilakukan oleh pelajar pusat pengajian tinggi dalam hasil penulisan mereka.

Jadual 1: Keperapan dan Peratusan Kesilapan Golongan Kata Tugas dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Bilangan	Kesilapan	Kekerapan	Peratus (%)
1	Kesilapan Menggugurkan Kata Hubung dalam Binaan Ayat	7	8.97%
2	Kesilapan Menggunakan Kata Hubung Pancangan Keterangan pada Pangkal Ayat	1	1.28%
3	Kesilapan Menggunakan Kata Hubung yang Tidak diperlukan dalam Binaan Ayat	12	15.38%
4	Kesilapan Menggunakan Kata Hubung yang Tidak Tepat	7	8.97%
5	Kesilapan Menggunakan Kata Bantu Aspek yang Tidak Perlu	1	1.28%
6	Kesilapan Menyisipkan Kata Penegas antara Kata Kerja Transitif dengan Objek	3	3.85%
7	Kesilapan Menggunakan Kata Sendi Nama yang Tidak Tepat	12	15.38%
8	Kesilapan Tidak Meletakkan Kata Sendi Nama Selepas Kata Kerja Tak Transitif	2	2.56%
9	Kesilapan Menggunakan Kata Sendi 'di'	18	23.08%
10	Kesilapan Meletakkan Kata Sendi Nama di antara Kata Kerja Transitif dengan Objek	2	2.56%
11	Kesilapan Meletakkan Kata Nafi 'bukan' di hadapan Frasa Kerja	1	1.28%
12	Kesilapan Meletakkan Kata Pemerih 'adalah' sebelum Kata Nama	1	1.28%
13	Kesilapan Menggunakan Kata Bilangan Tak Tentu yang Tidak Tepat	2	2.56%
14	Kesilapan Menggunakan Kata Tanya sebagai Objek Kata Kerja Transitif	9	11.54%
Jumlah		78	100.00%

Jadual 1 menunjukkan 1 (1.28%) kesilapan menggunakan kata hubung pancangan keterangan pada pangkal ayat, kesilapan menggunakan kata bantu aspek yang tidak perlu, kesilapan meletakkan kata nafi 'bukan' di hadapan frasa kerja, dan kesilapan meletakkan kata pemerih 'adalah' sebelum kata nama. 2 (2.56%) kesilapan tidak meletakkan kata sendi nama selepas kata kerja tak transitif, kesilapan meletakkan kata sendi nama di antara kata kerja transitif dengan objek, dan kesilapan menggunakan kata bilangan tak tentu yang tidak tepat. 3 (3.85%) kesilapan menyisipkan kata bantu antara kata kerja transitif dengan objek. 7 (8.97%) kesilapan menggugurkan kata hubung dalam binaan ayat dan kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak tepat. 9 (11.54%) kesilapan menggunakan kata tanya sebagai objek kata kerja transitif. 12 (15.38%) kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak diperlukan dalam binaan ayat dan kesilapan menggunakan kata sendi nama yang tidak tepat. 18 (23.08%) kesilapan menggunakan kata sendi 'di' yang tidak tepat.

Jadual 2: Kesilapan Menggugurkan Kata Hubung dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Kami <i>berharap</i> hari sukan Sekolah itu diadakan lagi pada tahun akan datang.	Kami <i>berharap agar</i> hari sukan sekolah itu diadakan lagi pada tahun akan datang.
Kami <i>berharap</i> pertandingan itu diadakan lagi pada tahun hadapan.	Kami <i>berharap agar</i> pertandingan itu diadakan lagi pada tahun hadapan.
Kami <i>berharap</i> pertandingan itu diadakan lagi pada tahun hadapan.	Kami <i>berharap</i> agar pertandingan itu diadakan lagi pada tahun hadapan.

Jadual 2 menunjukkan contoh kesilapan menggugurkan kata hubung dalam karangan bahasa Melayu. Berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973), responden menggugurkan unsur yang perlu iaitu 7 (8.97%) kesilapan menggugurkan kata hubung dalam ayat. Responden melakukan kesilapan menggugurkan kata hubung pancangan keterangan '*agar*' dan '*supaya*'. Responden juga melakukan kesilapan menggugurkan kata hubung gabungan '*dan*' serta '*lalu*'. Walaupun, ayat yang dibina tanpa kata hubung boleh difahami oleh pendengar, pengguguran kata hubung tersebut mengakibatkan ayat yang dibina tidak gramatis atau tidak mengikut hukum tatabahasa bahasa Melayu.

Kata hubung ialah kata penyambung ayat, iaitu sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk. Ayat majmuk yang terbentuk, iaitu ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Ayat majmuk gabungan dihubungkan oleh kata hubung gabungan, manakala ayat majmuk pancangan dihubungkan oleh kata hubung pancangan.

Kata hubung gabungan pula berfungsi menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama sifatnya. Ayat yang terbentuk yang menggunakan kata hubung gabungan disebut ayat majmuk gabungan. Contoh kata hubung gabungan seperti *dan*, *atau*, *tetapi*, *serta*, *lalu*, *malahan*, *sambil*, *dan kemudian*. Kata hubung pancangan pula, ialah jenis kata hubung yang menyambung klausa tak setara atau klausa pancangan pada klausa utama atau klausa induk. Kata hubung pancangan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu kata hubung relatif, kata hubung komplemen, dan kata hubung pancangan keterangan.

Jadual 3: Kesilapan Menggunakan Kata Hubung Pancangan Keterangan pada Pangkal Ayat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
<i>Kerana</i> keadaan ketiga-tiga orang rakan saya itu agak membimbangkan, mereka perlu di bawa ke klinik.	Mereka perlu dibawa ke klinik <i>kerana</i> keadaan agak membimbangkan.

Dapatan kajian menunjukkan responden melakukan 1 (1.28%) kesilapan menulis kata hubung pancangan keterangan '*kerana*' pada pangkal ayat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Responden melakukan penambahan unsur yang tidak perlu (Corder, 1973), dengan menulis kata hubung pancangan keterangan '*kerana*' pada pangkal ayat '*Kerana keadaan ketiga-tiga orang rakan saya itu agak membimbangkan, mereka perlu di bawa ke klinik*'. Ayat tersebut perlu dimurnikan seperti cadangan pembetulan ayat '*Mereka perlu dibawa ke klinik kerana keadaan agak membimbangkan*'.

Kata hubung pancangan '*kerana*' perlu ditulis pada tempat yang betul dan menepati fungsinya sebagai kata hubung pancangan keterangan. Kata hubung pancangan keterangan atau kata keterangan, berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa

utama. Contoh kata hubung pancangan keterangan adalah seperti '*kerana*', '*agar*', '*semoga*', '*setelah*', dan '*apabila*'. Kesilapan yang dilakukan oleh responden mengakibatkan kata hubung pancangan keterangan tidak berfungsi dengan betul dan berlaku akibat pengaruh lisan.

Jadual 4: Kesilapan Menggunakan Kata Hubung yang Tidak diperlukan dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Mula-mula, semua murid <i>telah</i> memulakan pembarisan.	Mula-mula, semua <i>murid mengikuti perbarisan</i> rumah sukan.
Saya berasa amat bangga terhadap penyampaian <i>yang</i> rumah sukan saya.	Saya berasa amat bangga terhadap <i>pencapaian mata terkumpul</i> rumah sukan saya.
Saya melarang <i>agar</i> meneruskan makan nasi lemak.	Saya melarang <i>murid itu meneruskan</i> makan nasi lemak.

Jadual 4 menunjukkan contoh kesilapan meletakkan kata hubung yang tidak diperlukan dalam binaan ayat. Berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973) responden melakukan 12 (15.38%) penambahan unsur yang tidak perlu iaitu kesilapan meletakkan kata hubung yang tidak diperlukan dalam binaan ayat selapis. Responden melakukan kesilapan meletakkan kata hubung pancangan keterangan '*telah*' dan kesilapan menggunakan kata hubung pancangan keterangan '*agar*' yang tidak berfungsi dalam ayat. Responden juga melakukan kesilapan menggunakan kata hubung pancangan relatif '*yang*' yang tidak mempunyai fungsi dalam binaan ayat.

Kata hubung bertugas untuk menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis. Walau bagaimanapun, kata hubung yang tidak diperlukan, sekiranya digunakan juga dalam binaan ayat selapis, maka kata hubung tersebut tidak akan membawa sebarang fungsi dalam ayat tersebut.

Jadual 5: Kesilapan Menggunakan Kata Hubung yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Saya berasa amat bangga <i>untuk</i> penyampaian pada rumah sukan saya.	Saya berasa amat bangga <i>kerana</i> pencapaian mata terkumpul rumah sukan kami paling banyak.
Suasana di padang itu sangat meriah dengan kehadiran ibubapa <i>malahan</i> memberi sokongan kepada anak-anak mereka yang mengambil bahagian dalam acara sukan itu.	Suasana di padang itu sangat meriah dengan kehadiran ibu bapa <i>untuk</i> memberikan sokongan kepada anak-anak mereka yang mengambil bahagian dalam acara sukan tersebut.
Tujuan acara ini dianjurkan <i>kerana</i> kita boleh menonjolkan bakat yang terpendam di dalam bidang sukan.	Tujuan acara ini dianjurkan adalah <i>untuk</i> menonjolkan bakat terpendam dalam bidang sukan.
Suasana di padang itu sangat meriah dengan kehadiran ibubapa <i>malahan</i> memberi sokongan kepada anak-anak mereka yang mengambil bahagian dalam acara sukan itu.	Suasana di padang itu sangat meriah dengan kehadiran ibu bapa <i>untuk</i> memberikan sokongan kepada anak-anak mereka yang mengambil bahagian dalam acara sukan tersebut.

Jadual 5 menunjukkan contoh kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak tepat dalam binaan ayat. Responden melakukan pemilihan unsur yang tidak tepat (Corder, 1973) dengan melakukan 7 (8.97%) kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak tepat. Responden melakukan kesilapan menggunakan kata hubung gabungan '*lalu*', '*sambil*', dan '*malahan*' yang tidak tepat untuk menyambung binaan ayat. Responden juga menggunakan kata hubung pancangan keterangan '*kerana*' dan '*walaupun*' yang tidak tepat dalam karangan. Selain itu, responden juga melakukan kesilapan menggunakan kata hubung komplimen '*untuk*' yang tidak tepat sebagai penghubung ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kata hubung yang tidak tepat fungsinya akan mengakibatkan maksud ayat yang ditulis juga menjadi tidak difahami oleh pembaca.

Jadual 6: Kesilapan Menggunakan Kata Bantu Aspek yang Tidak Perlu dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembedulan
Kami berharap agar dapat menyertai pertandingan itu <i>akan</i> diadakan lagi pada tahun hadapan.	Kami berharap agar dapat menyertai <i>pertandingan itu pada</i> tahun hadapan.

Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian 1 (8.97%) kesilapan menambah unsur yang tidak perlu (Corder, 1973). Responden melakukan kesilapan menggunakan kata bantu aspek yang tidak perlu dalam karangan. Responden meletakkan kata bantu aspek '*akan*' dalam binaan ayat '*Kami berharap agar dapat menyertai pertandingan itu akan diadakan lagi pada tahun hadapan*'. Kata bantu aspek '*akan*' yang digunakan dalam ayat tersebut tidak memberikan fungsi, malahan tanpa kata bantu aspek tersebut, binaan ayat masih dapat memberikan maksud yang betul seperti dalam cadangan ayat pembedulan '*Kami berharap agar dapat menyertai pertandingan itu pada tahun hadapan*'.

Kata bantu yang hadir sebelum frasa ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama. Kata bantu menimbulkan makna tambahan dari aspek waktu atau ragam. Kata bantu dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu masa lampau, masa kini, atau masa hadapan. Contoh kata bantu aspek adalah seperti '*telah*', '*sudah*', '*baru*', '*pernah*', '*sedang*', '*masih*', '*akan*', '*mula*', dan '*belum*'. Kata bantu ragam pula merupakan bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan, seperti '*hendak*', '*mahu*', '*harus*', '*mesti*', '*boleh*', '*dapat*', '*enggan*', '*patut*', dan '*mungkin*'.

Jadual 7: Kesilapan Menyisipkan Kata Penegas antara Kata Kerja Transitif dengan Objek dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembedulan
Kami berharap agar pihak sekolah mengadakan <i>lagi</i> pertandingan itu pada tahun hadapan.	Kami berharap agar pihak sekolah <i>mengadakan pertandingan</i> itu pada tahun hadapan.
Kami berharap agar pihak sekolah mengadakan <i>lagi</i> pertandingan itu pada tahun hadapan.	Kami berharap agar pihak sekolah <i>mengadakan pertandingan</i> itu pada tahun hadapan.
Seterus menghangatkan <i>lagi</i> suasana di padang itu.	Seterusnya, perbarisan lintas hormat <i>menghangatkan suasana</i> di padang itu.

Jadual 7 menunjukkan dapatan analisis kesilapan menyisipkan kata penegas antara kata kerja transitif dengan objek. Responden melakukan penambahan unsur yang tidak perlu (Corder,

1973) iaitu 3 (3.85%) kesilapan menyisipkan kata penegas antara kata kerja transitif dengan objek. Responden menyisipkan kata penegas '*lagi*' di antara kata kerja transitif aktif dengan objek iaitu kata nama am abstrak. Responden menyisipkan kata penegas lagi antara kata kerja transitif dengan objek dalam ayat '*Kami berharap agar pihak sekolah mengadakan lagi pertandingan itu pada tahun hadapan*' dan '*Seterus menghantarkan lagi suasana di padang itu*'.

Kata kerja transitif perlu diikuti dengan objek bagi melengkapkan maksud ayat tersebut. Kata penegas '*lagi*' tidak boleh hadir antara kata kerja transitif dengan objek, sebaliknya boleh ditulis selepas frasa nama yang berfungsi sebagai objek kepada kata kerja transitif tersebut seperti dalam cadangan ayat pembetulan '*Kami berharap agar pihak sekolah mengadakan pertandingan itu lagi pada tahun hadapan*' dan '*Seterusnya, perbarisan lintas hormat menghantarkan suasana di padang itu*'.

Kata penegas yang disebut juga partikel atau kata penyerta ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Terdapat dua jenis kata penegas, kata penegas yang pertama, iaitu menegaskan hanya frasa predikat atau bahagian-bahagiannya. Contohnya, '*-kah*', '*-tah*', dan '*-lah*'. Kata penegas yang kedua merupakan kata yang menegaskan kedua-dua bahagian ayat, iaitu frasa nama sebagai subjek atau bahagiannya atau frasa predikat atau bahagiannya. Contohnya, '*juga*', '*jua*', '*pun*', '*sahaja*', '*lagi*', dan '*memang*'. Sehubungan dengan itu, kata penegas yang hadir di antara kata kerja transitif dengan objek adalah tidak memberikan sebarang fungsi malahan, kata kerja transitif sendiri perlu diikuti oleh objek bagi melengkapkan binaan frasa kerja tersebut.

Jadual 8: Kesilapan Menggunakan Kata Sendi Nama yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Saya telah memenangi pingat emas <i>pada</i> semua acara sukan tahunan ini.	Saya telah memenangi pingat emas <i>dalam</i> semua acara sukan tahunan ini.
Saya berharap dapat menyertai <i>ke</i> peringkat daerah.	Saya berharap akan dapat menyertai pertandingan <i>pada</i> peringkat daerah.
Aku menyuruh penunggang motosikal itu menahan sebuah kereta yang sedang lalu-lalang <i>pada</i> sekitar kawasan sekolah.	Aku menyuruh penunggang motosikal itu menahan sebuah kereta yang sedang lalu-lalang <i>di</i> sekitar kawasan sekolah.

Jadual 8 menunjukkan contoh kesilapan kata sendi nama yang tidak tepat dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam. Teori Analisis Corder (1973) menjelaskan responden melakukan kesilapan pemilihan unsur yang tidak tepat dengan melakukan 12 (15.38%) kesilapan penggunaan kata sendi nama yang tidak tepat.

Responden menulis kata sendi nama '*dari*' yang seharusnya ditulis '*ke*' yang menunjukkan kata arah. Responden menulis ayat yang ditulis iaitu '*Saya pun bergegas dari arah mereka*' seharusnya ditulis seperti dalam ayat cadangan pembetulan '*Saya pun bergegas ke arah mereka*'. Kata sendi nama '*dari*' berfungsi menunjukkan arah, tempat dan waktu. Responden juga menulis kata sendi nama '*dari*' dalam ayat '*Saya segera melarang dari meneruskan makan nasi lemak*' yang seharusnya ditulis '*daripada*' dalam cadangan ayat pembetulan '*Saya segera melarang murid itu daripada meneruskan makan nasi lemak*' yang menyatakan punca bagi manusia dan asal kejadian sesuatu benda. Responden melakukan kesilapan menggunakan kata sendi nama '*pada*' dalam ayat '*Saya telah memenangi pingat emas pada semua acara sukan*

tahunan ini' yang seharusnya ditulis dengan kata sendi nama 'dalam' seperti cadangan ayat pembetulan 'Saya telah memenangi pingat emas dalam semua acara sukan tahunan ini'.

Kata sendi nama 'dalam' hadir di hadapan kata nama atau frasa nama 'semua acara sukan' yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Responden juga menggunakan kata sendi nama 'pada' dalam ayat 'Aku menyuruh penunggang motosikal itu menahan sebuah kereta yang sedang lalu-lalang pada sekitar kawasan sekolah' yang seharusnya ditulis dengan kata sendi nama 'di' seperti cadangan ayat pembetulan 'Aku menyuruh penunggang motosikal itu menahan sebuah kereta yang sedang lalu-lalang di sekitar kawasan sekolah' yang khusus digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat iaitu 'sekitar kawasan sekolah'. Kata sendi nama ini ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Penggunaan kata sendi nama 'pada' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat.

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata sendi nama yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu ialah 'di', 'ke', 'dari', 'daripada', 'tentang', 'dengan' dan 'sampai'. Walaupun semua kata sendi nama hadir di hadapan kata nama atau frasa nama, namun tiap-tiap satu mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan yang khusus. Kata sendi nama juga menganggotai golongan kata yang lain, seperti 'akan' berfungsi sebagai kata bantu, 'dalam' berfungsi sebagai kata arah dan kata adjektif, 'sampai' berfungsi sebagai kata kerja dan 'antara' berfungsi sebagai kata arah.

Responden menggunakan kata sendi nama 'ke' yang seharusnya ditulis dengan kata sendi nama 'pada' dalam ayat 'Saya berharap dapat menyertai ke peringkat daerah' dan 'Cikgu Mazlina memberitahu apa yang terjadi di kantin ke Tuan Guru Besar'. Kata sendi nama 'ke' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat atau arah yang dituju, dan digunakan juga di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan waktu atau masa. Kata sendi nama 'ke' dieja sebagai satu kata yang terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Responden menulis kata sendi nama 'ke' di hadapan frasa nama yang menunjukkan situasi dan frasa nama yang menunjukkan orang. Kata sendi nama 'ke' yang ditulis oleh responden seharusnya ditulis dengan kata sendi nama 'pada' dan 'kepada' seperti dalam cadangan ayat pembetulan 'Saya berharap dapat menyertai pertandingan pada peringkat daerah' dan 'Cikgu Mazlina memberitahu kejadian di kantin kepada Tuan Guru Besar'. Kata sendi nama 'pada' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat, dan digunakan dalam ungkapan ada + pada (manusia dan haiwan) dalam beberapa situasi tertentu. Kata sendi nama 'pada' menunjukkan keterangan waktu apabila mendahului kata nama yang menyatakan waktu atau masa, didahului dengan kata 'ada' mesti diikuti oleh kata nama yang merujuk manusia atau haiwan, dan sebagai perkataan yang terletak di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja. Kata sendi nama 'pada' tidak boleh digunakan di hadapan kata nama yang membawa maksud sasaran.

Responden juga melakukan kesilapan penggunaan kata sendi nama 'untuk' dalam ayat 'Selepas itu, saya mengarahkan kawan saya untuk duduk diam-diam untuk saya memberitahu guru yang bertugas' dan 'Saya melarang untuk meneruskan makan nasi lemak'. Kata sendi nama 'untuk' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama, dengan fungsi tertentu untuk menunjukkan kegunaan untuk sesuatu. Dalam konteks ini, penggunaan kata sendi nama 'untuk'

dapat bervariasi dengan kata sendi nama 'bagi'. Selain daripada itu, kata sendi nama 'untuk' berfungsi menyatakan maksud bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan. Dalam konteks ini pula, kata sendi nama 'untuk' tidak boleh bertukar ganti dengan 'bagi'. Kesilapan penggunaan kata sendi 'untuk' dalam ayat tersebut boleh dibetulkan dengan menggunakan kata sendi nama 'supaya' dan 'daripada' seperti dalam ayat cadangan pembedahan 'Selepas itu, saya mengarahkan kawan saya supaya duduk diam-diam sementara saya memberitahu guru yang bertugas' dan 'Saya melarang murid itu daripada makan nasi lemak'.

Responden melakukan kesilapan penggunaan kata sendi nama 'dalam' dan 'sejak' dalam ayat 'Saya telah mengambil bahagian acara dalam larian 200 meter dan 100 meter' dan 'Sejak pukul 10.00 pagi, saya pergi ke kantin untuk membeli makanan dan minuman seperti nasi lemak dan air milo untuk mengalaskan perut'. Kata sendi nama 'dalam' hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Kata sendi nama 'sejak' bertugas membawa maksud penanda waktu atau masa dan digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama. Kedua-dua kata sendi tersebut seharusnya ditulis seperti dalam ayat cadangan pembedahan 'Saya telah mengambil bahagian dalam acara larian 200 meter dan 100 meter' dan 'Pada tepat pukul 10.00 pagi, saya pergi ke kantin untuk membeli makanan dan minuman seperti nasi lemak dan milo untuk mengalaskan perut'. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Faudziah Rasad & Zamri Mahamod (2013) yang menyatakan bahawa masih banyak kesalahan kata sendi dalam penulisan tesis cemerlang yang dikaji.

Jadual 9: Kesilapan Menggugurkan Kata Sendi Nama Selepas Kata Kerja Tak Transitif dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembedahan
Seterusnya, saya <i>melarangkan</i> meneruskan makan nasi lemak itu saya membawa kawan saya ke tepi kantin supaya kawan saya tidak mengotori kawasan kantin itu.	Seterusnya, saya melarang kawan <i>daripada</i> meneruskan makan nasi lemak itu dan saya membawanya ke tepi kantin supaya tidak mengotori kawasan kantin itu.
Saya terserempak <i>cikgu</i> .	Saya terserempak <i>dengan</i> cikgu di kantin sekolah.

Berdasarkan Jadual 9 responden melakukan 2 (2.56%) kesilapan tidak meletakkan kata sendi nama selepas kata kerja tak transitif. Responden menggugurkan unsur yang perlu (Corder, 1973) dengan menulis 'Seterusnya, saya *melarangkan* meneruskan makan nasi lemak itu saya membawa kawan saya ke tepi kantin supaya kawan saya tidak mengotori kawasan kantin itu' dan 'Saya terserempak *cikgu*'. Ayat tersebut telah menggugurkan kata sendi nama 'daripada' dan 'dengan'. Ayat-ayat tersebut perlu ditambah baik penulisannya seperti cadangan ayat pembedahan 'Seterusnya, saya melarang kawan *daripada* meneruskan makan nasi lemak itu dan saya membawanya ke tepi kantin supaya tidak mengotori kawasan kantin itu' dan 'Saya terserempak *dengan* cikgu di kantin sekolah'. Kata sendi nama 'daripada' hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, dan perbezaan atau perbandingan manakala kata sendi nama *dengan* yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama digunakan untuk membawa maksud bersama-sama atau berserta, cara sesuatu itu dilakukan, memakai atau menggunakan iaitu sebagai alat, dan menyatakan keadaan perbandingan yang serupa atau sama.

Jadual 10: Kesilapan Penggunaan Kata Sendi Nama 'di' yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Tujuan acara ini dianjurkan kerana kita boleh menonjolkan bakat yang terpendam <i>di</i> dalam bidang sukan.	Tujuan acara ini dianjurkan adalah untuk menonjolkan bakat terpendam <i>dalam</i> bidang sukan.
Selain itu, juga dapat mengeratkan silaturahim <i>diantara</i> peserta.	Selain itu, temasya sukan juga dapat mengeratkan silaturahim <i>antara</i> peserta.
Tujuan acara sukan ini diadakan adalah untuk membakar semangat kesukanan <i>di kalangan</i> pelajar-pelajar.	Tujuan acara sukan ini diadakan adalah untuk membakar semangat kesukanan <i>dalam</i> kalangan pelajar.

Jadual 10 menunjukkan contoh kesilapan penggunaan kata sendi nama 'di' yang tidak tepat dalam karangan bahasa Melayu. Responden melakukan 18 (23.08%) kesilapan penggunaan kata sendi nama 'di' dalam karangan bahasa Melayu. Responden melakukan pemilihan unsur yang tidak tepat (Corder, 1973) iaitu kesilapan menggunakan kata sendi 'di' yang ditulis serangkai dengan kata sendi 'antara'. Perkataan 'antara' yang berfungsi sebagai kata sendi nama dapat juga berfungsi sebagai kata arah. Kata sendi nama 'antara' hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Sehubungan dengan itu, kata sendi nama 'di' dan 'antara' tidak boleh ditulis serangkai kerana kedua-dua kata sendi ini membawa fungsi yang berbeza-beza. Responden menggunakan kata 'di dalam' dalam ayat 'Tujuan acara ini dianjurkan kerana kita boleh menonjolkan bakat yang terpendam di dalam bidang sukan' di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.

Responden juga menulis kata sendi nama 'di' dalam ayat 'Selain itu, sukan ini boleh merapatkan hubungan silaturahim di kalangan murid-murid' di hadapan kata 'kalangan' yang tidak menunjukkan ruang atau jarak. Responden sepatutnya menggantikan kata sendi nama 'di' dengan kata sendi nama 'dalam' seperti cadangan ayat pembetulan 'Tujuan acara ini dianjurkan adalah untuk menonjolkan bakat terpendam dalam bidang sukan' kerana kata yang mengikutinya ialah kata nama yang membawa maksud lingkungan atau golongan. Kata sendi nama 'di' digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Kata sendi nama ini ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Kata sendi nama 'di' tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu, masa, atau zaman. Mohamad Abdul Rahman (2000) dalam kajiannya juga mendapati kesilapan penggunaan kata sendi 'di' banyak terdapat dalam karangan murid tingkatan lima.

Jadual 11: Kesilapan Meletakkan Kata Sendi Nama di antara Kata Kerja Transitif dengan Objek dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Saya telah menyertai <i>dalam</i> acara 200 meter, 4x200 meter dan 100 meter.	Saya telah <i>menyertai</i> acara larian 200 meter, 4 x 200 meter dan 100 meter.
Saya telah menyertai <i>dalam</i> larian 300 meter 100 meter, 4x200 meter dan 4x100 meter mewakili rumah tuah larian membawa telur untuk kaum bapa dan larian 50 meter untuk kaum ibu suasana begitu riuh-rendah melihat gelagat ibu bapa yang menyertai acara.	Saya telah <i>menyertai</i> acara larian 300 meter 100 meter, 4 x 200 meter dan 4 x 100 meter mewakili Rumah Tuah.

Berdasarkan Jadual 11 dapatan kajian menunjukkan responden melakukan 2 (2.56%) kesilapan meletakkan kata sendi nama di antara kata kerja transitif dengan objek dalam karangan bahasa Melayu. Responden melakukan penambahan unsur yang tidak perlu (Corder, 1973) dengan menulis kata sendi nama '*dalam*' di antara kata kerja transitif dengan objek. Responden menulis kata kerja transitif '*menyertai*' yang diikuti oleh kata sendi nama '*dalam*' seperti ayat '*Saya telah menyertai dalam acara 200 meter, 4x200 meter dan 100 meter*' dan '*Saya telah menyertai dalam larian 300 meter 100 meter, 4x200 meter dan 4x100 meter mewakili rumah tuah larian membawa telur untuk kaum bapa dan larian 50 meter untuk kaum ibu suasana begitu riuh-rendah melihat gelagat ibu bapa yang menyertai acara*'. Kata kerja transitif perlu diikuti oleh objek yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama. Kata kerja '*menyertai*' perlu diikuti oleh frasa nama seperti '*acara larian*' untuk melengkapkan maksudnya seperti cadangan ayat pembetulan '*Saya telah menyertai acara larian 200 meter, 4 x 200 meter dan 100 meter*' dan '*Saya telah menyertai acara larian 300 meter 100 meter, 4 x 200 meter dan 4 x 100 meter mewakili Rumah Tuah*'.

Kata Sendi Nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata sendi nama yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu seperti '*di*', '*ke*', '*tentang*', '*dengan*', '*sampai*', '*pada*', dan '*kepada*'. Semua kata sendi nama hadir di hadapan kata nama atau frasa nama, namun setiap satu mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan. Penggunaan kata sendi nama ditentukan oleh peraturan yang khusus kerana antara kata sendi nama ini terdapat juga beberapa bentuk yang menganggotai golongan kata yang lain, contohnya seperti kata '*akan*' juga berfungsi sebagai bantu, '*sampai*' berfungsi sebagai kata kerja, dan '*dalam*' berfungsi sebagai kata arah dan kata adjektif. Kata kerja transitif pula kata kerja yang menerima penyambut sesudahnya, yang disebut objek untuk melengkapkan maksudnya.

Jadual 12: Kesilapan Meletakkan Kata Nafi 'bukan' di Hadapan Frasa Kerja dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Bak kata pepatah 'Kalau hendak seribu daya, <i>bukan</i> hendak seribu dalih'.	Bak kata pepatah 'Kalau hendak seribu daya, <i>tidak</i> hendak seribu dalih'.

Jadual 12 menunjukkan 1 (1.28%) kesilapan meletakkan kata nafi '*bukan*' di hadapan frasa kerja. Berdasarkan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973), responden melakukan kesilapan pemilihan unsur yang tidak tepat dengan menulis '*bukan hendak seribu dalih*' dalam ayat *Bak kata pepatah 'Kalau hendak seribu daya, bukan hendak seribu dalih* yang sepatutnya ditulis dengan '*tidak hendak seribu dalih*' seperti dalam cadangan ayat pembetulan *Bak kata pepatah 'Kalau hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih*'. Kata nafi yang hanya hadir sebelum frasa, ialah perkataan yang menjadi unsur nafi rasa-frasa predikat, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama. Ada dua bentuk kata nafi, iaitu '*bukan*' dan '*tidak*'. Kata nafi '*bukan*' menjadi unsur nafi frasa nama dan frasa sendi nama. Kata nafi '*tidak*' pula ialah unsur nafi bagi frasa kerja dan frasa adjektif.

Jadual 13: Kesilapan Meletakkan Kata Pemerih 'adalah' sebelum Kata Nama dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Tapi malangnya saya berasa sedih kerana tahun ini <i>adalah</i> tahun yang terakhir saya berada di sekolah ini.	Saya berasa sedih kerana tahun ini <i>ialah</i> tahun terakhir saya berada di sekolah ini.

Jadual 13 menunjukkan 1 (1.28%) responden menulis kata pemerih 'adalah' sebelum kata nama. Responden melakukan kesilapan pemilihan unsur yang tidak tepat (Corder, 1973) dalam ayat '*Tapi malangnya saya berasa sedih kerana tahun ini adalah tahun yang terakhir saya berada di sekolah ini*' yang sepatutnya ditulis seperti dalam cadangan ayat pembetulan '*Saya berasa sedih kerana tahun ini ialah tahun terakhir saya berada di sekolah ini*'. Responden melakukan kesilapan menulis kata pemerih 'adalah' di hadapan kata nama yang sepatutnya ditulis dengan kata pemerih 'ialah'. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Faudziah Rasad & Zamri Mahamod (2013) yang menyatakan masih banyak kesalahan penggunaan kata pemerih dalam penulisan tesis cemerlang. Kata pemerih 'ialah' perlu diikuti dengan kata nama. Kata pemerih ialah unsur yang menjadi pemerihal kepada predikat atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Pemerihalan itu dapat dilakukan melalui dua cara iaitu secara persamaan antara subjek dengan predikat dengan penggunaan kata pemerih 'ialah' dan secara huraian tentang subjek oleh predikat dengan penggunaan kata pemerih 'adalah'. Penggunaan kata pemerih 'ialah' hadir di hadapan frasa nama. Kata pemerih 'adalah' pula hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Jadual 14: Kesilapan Menggunakan Kata Bilangan Tak Tentu yang Tidak Tepat dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Setelah kesemua acara ditamatkan, pihak sekolah memberikan makanan dan minuman kepada <i>seluruh</i> orang yang terlibat namunpun yang tidak terlibat secara percuma.	Setelah acara sukan selesai, pihak sekolah memberikan makanan dan minuman percuma kepada <i>semua</i> orang yang terlibat dan yang tidak terlibat.
Saya meminta <i>mereka-mereka semua</i> bersabar supaya tidak panik dan cemas.	Saya meminta <i>semua rakan</i> supaya bersabar dan tidak cemas.

Berdasarkan dapatan kajian ini, Jadual 14 menunjukkan responden melakukan 2 (2.56%) kesilapan menggunakan kata bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu. Menurut Teori Analisis Kesilapan Corder (1973), responden melakukan kesilapan pemilihan yang tidak tepat dalam ayat '*Setelah kesemua acara ditamatkan, pihak sekolah memberikan makanan*', yang menggunakan kata bilangan tak tentu yang tidak tepat bagi kata nama orang iaitu '*seluruh*'. Kata bilangan tak tentu yang tepat bagi kata nama yang menunjukkan manusia ialah '*semua*' dan perlu ditulis dalam cadangan ayat pembetulan '*Setelah acara sukan selesai, pihak sekolah memberikan makanan dan minuman percuma kepada semua orang yang terlibat dan yang tidak terlibat*' agar menunjukkan penggunaan kata bilangan tak tentu yang betul. Responden juga menggunakan kata bilangan tak tentu yang tidak tepat dalam ayat '*Saya meminta mereka-mereka semua bersabar supaya tidak panik dan cemas*'. Responden menggunakan kata bilangan tak tentu yang tidak tepat '*semua*' bagi kata ganti nama yang telah digandakan. Kata ganti nama '*mereka*' telah menunjukkan jamak dan tidak boleh diletakkan kata ganti nama tak tentu selepasnya. Ayat tersebut perlu ditulis dengan meletakkan kata nama yang menunjukkan manusia iaitu '*rakan*' selepas kata bilangan tak tentu seperti cadangan ayat pembetulan '*Saya meminta semua rakan supaya bersabar dan tidak cemas*'.

Kata bilangan ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama dan hadir sebelum frasa tersebut. Kata bilangan dapat dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut ciri maknanya. Pertama, kata bilangan yang menunjukkan jumlah yang tentu sifatnya disebut bilangan kardial. Contoh bilangan kardial iaitu enam, lima puluh, empat ratus, dan dua puluh ribu. Kedua, kata bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu. Contoh bilangan tak tentu iaitu '*segala*', '*semua*', '*para*', '*hadirin*', '*sekalian*', dan '*banyak*'. Kata bilangan tak tentu sudah menandakan jamak. Sehubungan dengan itu, kata nama yang mengikutinya tidak perlu

diulang. Ketiga, kata bilangan yang membawa maksud himpunan. Contoh kata bilangan himpunan iaitu beratus-ratus, kelima-lima, bertahun-tahun, dan berkotak-kotak. Keempat, kata bilangan yang membawa maksud pisahan. Contoh kata bilangan yang membawa maksud pisahan iaitu 'masing-masing', 'setiap', dan 'tiap-tiap'. Kelima, kata bilangan yang membawa maksud pecahan. Contoh kata bilangan yang membawa maksud pecahan iaitu *setengah*, *sepertiga*, *separuh*, dan *dua pertiga*. Kata bilangan berpasangan dengan penjodoh bilangan untuk menjadi sejenis penerang kepada kata nama yang mengikutinya.

Jadual 15: Kesilapan Menggunakan Kata Tanya sebagai Objek Kata Kerja Transitif dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam

Contoh Kesilapan dalam Ayat	Cadangan Pembetulan
Semasa saya berlari, saya terserempak dengan Cikgu Rizqy dan menerangkan <i>apa</i> yang berlaku di kantin.	Saya terserempak dengan Cikgu Rizky semasa berlari lalu <i>menerangkan kejadian</i> di kantin.
Penunggang motosikal cuba merawat rakanku dengan <i>apa</i> yang dia tahu.	Penunggang motosikal itu cuba <i>merawat rakanku dengan sedaya upaya</i> .
Saya pun menenangkan <i>apa</i> yang berlaku.	Saya pun <i>menenangkan keadaan</i> di tempat kejadian itu.

Jadual 15 menunjukkan contoh kesilapan menggunakan kata tanya sebagai objek kata kerja transitif dalam karangan bahasa Melayu Murid Tahun Enam. Menurut Teori Analisis Kesilapan Corder (1973), responden melakukan kesilapan penggunaan unsur yang salah dengan melakukan 9 (11.54%) kesilapan menulis kata tanya sebagai objek bagi kata kerja transitif dalam ayat. 8 (10.26%) responden menggunakan kata tanya *apa* sebagai objek kata kerja transitif, manakala 1 (1.28%) responden menggunakan kata tanya '*bila*' sebagai objek kata kerja transitif.

Responden menulis ayat '*Semasa saya berlari, saya terserempak dengan Cikgu Rizqy dan menerangkan apa yang berlaku di kantin*', '*Penunggang motosikal cuba merawat apa yang dia tahu dengan rakanku*', '*Saya sudah di kantin saya terus beratur membeli bila nasi lemak*', dan '*Cikgu Mazlina memberitahu apa yang terjadi di kantin ke Tuan Guru Besar*'. Kata kerja transitif dalam ayat tersebut perlu diikuti dengan kata nama atau frasa nama yang berfungsi sebagai objek dan kata nama tidak boleh berfungsi sebagai objek. Sebagai langkah pembetulan, penyelidik mencadangkan agar kata tanya tersebut digugurkan dan ditulis dengan objek yang sesuai seperti cadangan ayat pembetulan '*Saya terserempak dengan Cikgu Rizky semasa berlari lalu menerangkan kejadian di kantin*', '*Penunggang motosikal itu cuba merawat rakanku dengan sedaya upaya*', '*Saya terus beratur untuk membeli nasi lemak apabila sampai di kantin*', dan '*Cikgu Mazlina memberitahu kejadian yang terjadi di kantin kepada Tuan Guru Besar*'.

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoal sesuatu. Contoh kata tanya seperti '*mengapa*', '*berapa*', '*siapa*', dan '*bila*'. Kata tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat. Sekiranya kata tanya ditulis di bahagian hadapan ayat, maka kehadiran kata tanya dalam bentuk tulisan hendaklah disertai partikel -kah.

KESIMPULAN

Analisis kesilapan mendapati bahawa sampel kajian telah melakukan 78 kesilapan golongan kata tugas kata dalam karangan bahasa Melayu. 14 jenis kesilapan kata tugas dalam karangan bahasa Melayu murid tahun enam. Responden melakukan kesilapan menggugurkan kata hubung dalam binaan ayat (7), kesilapan menggunakan kata hubung pancangan keterangan

pada pangkal ayat (1), kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak diperlukan dalam binaan ayat (12), kesilapan menggunakan kata hubung yang tidak tepat (7), kesilapan menggunakan kata bantu aspek yang tidak perlu (1), kesilapan menyisipkan kata penegas di antara kata kerja transitif dengan objek (3), kesilapan menggunakan kata sendi nama yang tidak tepat (12), kesilapan menggugurkan kata sendi nama selepas kata kerja tak transitif (2), kesilapan menggunakan kata sendi nama 'di' (18), kesilapan meletakkan kata sendi nama di antara kata kerja transitif dengan objek (2), kesilapan meletakkan kata nafi 'bukan' di hadapan frasa kerja (1), kesilapan meletakkan kata pemerli 'adalah' sebelum kata nama (1), kesilapan menggunakan kata bilangan tak tentu yang tidak tepat (2), dan kesilapan menggunakan kata tanya sebagai objek kata kerja transitif (9).

Kesilapan kata tugas yang dilakukan ketika menulis karangan akan memberikan kesan terhadap hasil penulisan tersebut. Maksud yang ingin disampaikan menjadi tidak jelas, malah kesannya tidak dapat difahami oleh pembaca. Justeru itu, penyelidik mencadangkan agar murid diberikan pementapan aspek kata tugas yang berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, seterusnya dapat menghasilkan penulisan yang lebih mantap serta betul penggunaan aspek kata tugas.

RUJUKAN

- Abdullah Yusof. 2009. Bahasa verbal dan bukan verbal II: Linguistik, sastera dan peradaban. Institut Terjemahan Negara.
- Corder. 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Harmondsworth: Penguin Education.
- Faudziah Rasad dan Zamri Mahmod 2013, Siti Norsyahida Mohd a Rashid, Nor Azuwan Yaakob dan Che Ibrahim Salleh (2015)
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2015: 106. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Abdul Rahman. 2000. Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Lima. Sarjana Pengajaran Bahasa Moden Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. Farid M. Onn. Hashim Haji Musa. Abdul Hamid Mahmood. 2013. Tatabahasa Dewan, Halaman 83–84
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly. 2003. Analisis kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Universiti Islam Antarabangsa.
- Zaliza Mohamad Nazir. 2017. Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar LSP *International Journal*, Vol. 4, Issue 1, 2017, 23-35.